


Tujuan

- 1 Mengenalpasti bilangan OB yang bakal bersara bagi tempoh 7 tahun akan datang untuk Akta 4 dan Akta 800.
- 2 Menganalisa impak persaraan OB terhadap kemampuan dana PERKESO dalam tempoh tujuh tahun akan datang.

Dapatan Kajian

- Didapati bilangan penduduk yang berusia 65 tahun dan ke atas mencatatkan peningkatan yang berterusan sejak tahun 1970.
- Populasi kanak-kanak di bawah umur 14 tahun juga menunjukkan penurunan konsisten.
- Penduduk umur bekerja mencatatkan peningkatan ketara menyebabkan nisbah kebergantungan atau dependency ratio meningkat kepada 44.3%.
- Negara berpotensi mengalami masalah penggantian penduduk sekaligus menyebabkan pelbagai implikasi sosial dan ekonomi. Keadaan ini boleh menyebabkan:
 - Peningkatan kos perbelanjaan Kerajaan
 - Pendapatan cukai menurun
 - Kuasa beli menurun
 - Produktiviti menurun
 - Kekurangan Tenaga Buruh
 - Kebergantungan kepada Pekerja Asing

Jadual 1 Penduduk Malaysia mengikut Taburan Umur, 1970 - 2020




Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia

Penemuan Data Orang Berinsurans PERKESO


- Tren persaraan menunjukkan peningkatan secara konsisten bagi tempoh 2023-2030.
- Berdasarkan andaian Akta Umur Persaraan minimum 2012 (Akta 753), dapatan kajian menunjukkan masing-masing seramai **673,389** dan **638,266** orang berinsurans Akta 4 dan Akta 800 bakal bersara bagi tempoh 7 tahun akan datang. Angka ini boleh diterjemahkan juga sebagai peluang pekerjaan yang bakal wujud.

Jadual 2 Jumlah OB Bersara Akta 4 dan Akta 800, 2023-2030



Jumlah penyusutan kutipan caruman bagi Akta 4 disebabkan persaraan OB bagi tempoh 7 tahun adalah **RM 225,888,210**. Manakala bagi Akta 800 pula adalah sebanyak **RM38,160,729**.

Jadual 3 Jumlah Penyusutan Caruman (OB Bersara) Akta 4 dan Akta 800, 2023-2030



Jadual 4 Jumlah OB Bersara Akta 4 dan Akta 800 mengikut negeri, 2023-2030

Negeri	Akta 4	Akta 800
Selangor	176,403	168,274
WP Kuala Lumpur	133,241	123,996
Johor	78,452	76,258
Pulau Pinang	53,007	51,083
Sarawak	52,058	49,763
Perak	43,120	41,529
Sabah	28,761	27,283
Kedah	27,331	25,458
Negeri Sembilan	18,283	17,572
Melaka	18,101	17,486
Pahang	16,592	15,620
Terengganu	12,727	10,348
Kelantan	9,923	8,985
Perlis	2,198	1,842
WP Labuan	1,745	1,628
WP Putrajaya	1,217	908

Cadangan

- 1 Pegawai Perkhidmatan Pekerjaan SIP mempercepatkan kadar **PENGGANTIAN** pekerja melalui proses awal tapisan pekerja yang bakal bersara.

- 2 Meningkatkan jaringan **KESELAMATAN SOSIAL** untuk golongan pesara.